

15 JUN 2000

Hamid-Islam

MALAYSIA JADI NEGARA CONTOH KEPADA NEGARA-NEGARA ISLAM LAIN

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Malaysia kini menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain dalam kemajuan pemindahan teknologi walaupun ada rakyat negara ini sendiri memandang sinis pencapaiannya, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Katanya, kebanyakan negara Islam tidak membuka pintu kepada penanaman modal dan industri asing kerana semangat nasionalisme yang kuat dan kurang yakin pada Barat sedangkan Malaysia mempunyai pendekatan tersendiri yang lebih seimbang.

"Mereka begitu menyanjung Malaysia. Ada intelektual yang pergi ke Barat dan membeli barangan seperti komputer dan kamera buatan Malaysia di sana," katanya pada sidang media selepas perhimpunan sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini, hari ini.

Hamid berkata sanjungan terhadap Malaysia itu diberikan semasa beliau menghadiri persidangan empat hari mengenai perkembangan Islam di seluruh dunia anjuran Kerajaan Mesir yang bermula 11 Jun.

Beliau berkata antara pemindahan teknologi yang dipelori Malaysia di negara-negara Islam ialah penanaman padi dan ternakan ayam oleh Bernas di Guinea dan carigali minyak di Sudan oleh Petronas.

Katanya, kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di Cairo Isnin ini turut dinanti-nantikan kerana ia memberi peluang kepada mereka mendengar ucapan beliau dan menjadikannya sebagai panduan.

Selain itu, mesyuarat menteri-menteri yang menjaga urusan haji pada bulan September dan mesyuarat menteri-menteri yang menjaga hal-ehwal wakaf pada Januari tahun depan di sini akan memberi peluang kepada negara-negara Islam lain melihat kemajuan yang dicapai Malaysia.

"Orang lain beri sanjungan dan penghormatan terhadap kemajuan dan kestabilan politik kita. Tak wajarlah orang dalam (Malaysia) pandang sinis semata-mata dikelaburi isu-isu kecil," katanya.

Sebaliknya, mereka tidak bersyukur dengan kemajuan yang dinikmati negara ini tetapi lebih gemar menimbulkan kebencian kepada kerajaan, terutamanya kepada Dr Mahathir, kata Hamid.

"Kebencian ini berpunca dari orang luar, dari Barat yang tidak suka pemerintahan yang kuat dan kukuh. Puncanya dari luar tetapi diambil peluang oleh orang sini," katanya.

Hamid juga berkata tindakan kerajaan Arab Saudi memperketatkan syarat-syarat mengerjakan umrah bukan hanya meliputi Malaysia tetapi juga negara lain.

-- BERNAMA

AR ES RI